JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
PUSAT PEMPROSESAN GST
ARAS 1, BLOK A, KOMPLEKS KASTAM WPKL,
JALAN SS 6/3, KELANA JAYA
47300 PETALING JAYA
SELANGOR

Telefon : 03-78067200 / 1-300-88-8500
Faksimile : 03-78067599
Laman Web : www.gst.customs.gov.my
E-Mel : ccc@customs.gov.my

0102000318

SYARIKAT UKUR AMAN
NO.16, JALAN GAMBUT
25000 KUANTAN
PAHANG

Ruj Kami : L1681330176
Tarikh : 18-12-2014
No. CBP : 000975724544
Stesen : Kuantan

Tuan,

KEPUTUSAN PERMOHONAN PENDAFTARAN DI BAWAH SEKSYEN 21 AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN : PENDAFTARAN NORMAL

Perkara di atas dirujuk.
Dimaklumkan bahawa permohonan tuan telah diluluskan. Maklumat pendaftaran akaun tuan adalah seperti berikut:

Tarikh Permohonan	: **18-12-2014**
Tarikh Kuatkuasa Pendaftaran	: **01-04-2015**
Asas Perakaunan	: **Asas Akruan**
Tempoh Bercukai	: **Tiga Bulan**
Tempoh Bercukai Pertama	: **01-04-2015 hingga 30-06-2015**
Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata dan Bayaran	: **31-07-2015**
Tempoh Bercukai Kedua	: **01-07-2015 hingga 30-09-2015**
Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata dan Bayaran	: **31-10-2015**
Tempoh Bercukai Berikutnya	: **Setiap Tiga Bulan**
Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata dan Bayaran	: **Hari terakhir bulan berikutnya setelah tamat tempoh bercukai**
Stesen Mengawal & Alamat	: **Stesen Kuantan** **Jabatan Kastam Diraja Malaysia** **Pengarah Kastam Negeri Pahang** **Wisma Kastam** **Jalan Bank** **25700 Kuantan**

Sebagai orang yang telah didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 tuan dikehendaki mematuhi kehendak Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan seperti di **LAMPIRAN I.**

Tuan boleh melayari laman web Cukai Barang dan Perkhidmatan atau menghubungi pejabat ini seperti maklumat yang tertera di atas untuk keterangan lanjut.Tuan boleh melayari laman web Cukai Barang dan Perkhidmatan atau menghubungi pejabat ini seperti maklumat yang tertera di atas untuk keterangan lanjut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Ketua Pengarah Kastam
Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Cetakan komputer ini tidak memerlukan tandatangan

Garis Panduan orang berdaftar GST

Bila Cukai dikenakan

- Cukai barang dan perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas setiap pembekalan bercukai yang dibuat di Malaysia bagi tujuan perniagaan seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 9.

Pengeluaran Invois

- Orang berdaftar dikehendaki mengeluarkan invois dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris yang mengandungi butir-butir seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 23 Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 kepada pelanggan.
- Seorang orang berdaftar boleh memohon supaya mana-mana satu atau lebih butir-butir yang ditetapkan untuk tidak dikandung dalam suatu invois cukai atau untuk tidak mengeluarkan apa-apa invois.
- Tiada apa-apa perubahan boleh dibuat atas invois dan salinannya. Jika berlaku kesilapan invois dan salinannya hendaklah disifatkan sebagai batal dan ditandakan dengan jelas perkataan "DIBATALKAN". Invois-invois yang telah dibatalkan bersama semula salinannya hendaklah dikemukakan untuk pemeriksaan bila dikehendaki.
- Jika sesuatu invois yang telah dikeluarkan hilang, Ketua Pengarah Kastam mempunyai kuasa untuk menganggarkan cukai yang patut dibayar.

Pengemukakan Penyata GST-03 dan Pembayaran Cukai

- Penyata GST-03 hendaklah dikemukakan bagi setiap tempoh bercukai yang ditetapkan untuk pembayaran cukai yang perlu dibayar kepada jabatan ini. Jika tiada pembayaran cukai bagi sesuatu tempoh bercukai berkaitan **NIL RETURN** perlu dikemukakan.
- Seorang orang kena cukai boleh memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk suatu tempoh bercukai selain tempoh sebagaimana yang ditentukan di bawah seksyen 40 (1) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.
- Pembayaran cukai boleh dibuat seperti berikut :
  - Pemindahan telegrafik melalui bank yang dilantik.
  - Kiriman pos
  - Bank draf atau cek
    (Bank draf hendaklah dibawah nama Pengarah Kastam Negeri.)
- Penyata atau pembayaran yang dibuat secara manual hendaklah dihantar ke Pusat Pemprosesan CBP, Kelana Jaya.

Asas Perakaunan

- Setiap orang kena cukai hendaklah mengakaunkan cukai atas asas akruan mengikut masa pembekalan di bawah seksyen 11, 13, 70, 72 dan 73 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.
- Mana-mana orang berdaftar dan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan di bawah Peraturan 28 Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk mengakaunkan cukai atas asas pembayaran.

Seorang orang yang berdaftar perlu memaklumkan secara bertulis kepada pegawai kanan kastam untuk pindaan apabila berlaku

- Perubahan nama syarikat / perniagaan;
- Perubahan alamat tempat perniagaan;
- Perubahan pengarah, pemilik, rakan kongsi, pemegang jawatan utama, wakil perkhidmatan pasaran modal atau orang diberi kuasa;
- Perubahan status perniagaan;
- Pengambil alihan di bawah Usaha Berterusan; atau
- Perubahan aktiviti perniagaan.

Pembatalan Pendaftaran

- Seseorang yang berdaftar yang berhenti membuat suatu pembekalan bercukai hendaklah memberitahu Ketua Pengarah tentang hakikat itu dan tarikhnya secara bertulis dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh pemberhentian itu.

Penyimpanan Rekod

- Suatu rekod di dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris yang berkaitan dengan CBP perlu disimpan selama sekurang-kurangnya **tujuh (7) tahun.**
- Sekiranya rekod-rekod tersebut hendak disimpan disuatu tempat di luar, kelulusan perlu diperolehi daripada Ketua Pengarah.

0202000318